

Ingat Pemberi Nikmat bukan hanya nikmat-Nya

SOLUSI

PANDUAN
HIDUP
BERSYARIAT

2012 | PP 15048/05/2012 (029644) |

M O T I V A S I • F A R D U A I N •

ISU No.

43

Subur dengan Syukur

Orang yang bersyukur sentiasa malu untuk "dimiliki" selain oleh Allah.

Apabila manusia tidak merasakan memiliki dan dimiliki, hatinya subur dengan syukur. Itulah kemuncak ketenangan dan kebahagiaan dalam hidup.

Dilema Bakal Pengantin PLHIV **76**

Semut pun Sedar... **28**

Laburkan Si Genius Mendalami Islam **96**

Alam Siber vs.
Alam Ghaib **54**

ISSN 1985-5400



43

RM 10.00 (SEM)
RM 12.00 (SIS)
SGD 7.50
BND 7.50
USD 10.00
EUR 8.00
IDR 35,000.00
AUD 7.50

AUDIT BUREAU OF CIRCULATIONS
(Incorporated in Malaysia)

9 771985 540003

TELAGA BIRU SDN. BHD.



Imbas kod untuk ke Facebook Majalah Solusi



Rasulullah s.a.w. merupakan insan agung yang terlalu menyayangi umat Islam. Baginda sentiasa memikirkan masa depan umatnya dan sentiasa memberikan nasihat, panduan dan peringatan berguna.

Walaupun begitu, Baginda juga sama seperti seorang manusia biasa yang akan meninggalkan dunia apabila telah tiba masanya.

Bisikan Panggilan Ilahi

Setelah sempurna kerja-kerja dakwah, penyampaian risalah dan pembentukan masyarakat baru yang berasaskan keimanan kepada Allah dan kepercayaan kepada Baginda, Rasulullah s.a.w. seolah-olah menerima bisikan halus dalam dirinya yang menyatakan Baginda akan pergi

Jangan Lupakan Wasiat Terakhir Rasulullah

meninggalkan dunia buat selama-lamanya.

Baginda merasakan dirinya perlu mengingatkan umat Islam dengan memberi kesimpulan terhadap perkara yang disampaikan dan diajarkan sepanjang hayat Baginda. Lalu, perkara itu disuarakan kepada Mu'az. Sabda Baginda, maksudnya: "Wahai Mu'az, mungkin kamu tidak akan menemuiku selepas tahun ini, dan boleh jadi kamu akan lalu di masjidku dan kuburku ini."

Mu'az yang mendengar kata-kata itu menangis kerana sayu memikirkan perpisahan yang bakal terjadi. (*Al-Mubarakfuri, al-Rahiq al-Makhtum*)

Lihatlah, betapa sayangnya para sahabat kepada Rasulullah s.a.w. Walaupun dalam keadaan susah dan senang, mereka sentiasa menyayangi Baginda dengan mengamalkan sunnahnya dan mempertahankan Baginda hingga ke titisan darah terakhir.

Kita mengaku Nabi Muhammad s.a.w. seorang pesuruh Allah. Namun sejauh mana kita mengenali dan menyayangi Baginda, mengamalkan sunnah

dan mempertahankan Baginda ketika dihina dan dicemuh oleh musuh Islam? Cukupkah sekadar menyertai perarakan sambutan Maulidur Rasul? Adakah kita peka atau buat tidak tahu sahaja apabila terdapat karikatur yang dilukis bertujuan menghina Baginda?

Cuba renungkan kedudukan Rasulullah s.a.w. di hati kita; masihkah kita mengingati Baginda atau semakin luput daripada memori kita?

Wasiat ketika Khutbah Bersejarah

Rasulullah s.a.w. bersabda, maksudnya: "Wahai manusia, dengarlah kata-kataku. Sesungguhnya aku tidak mengetahui adakah aku akan bertemu dengan kamu lagi selepas tahun ini, di tempat ini buat selama-lamanya." (*Sahih Muslim*, jil. 1, hlm. 397)

Itulah kata-kata Rasulullah yang menunjukkan Baginda sudah mengetahui kematian sedang menghampirinya. Pada 8 Zulhijah, Nabi s.a.w. pergi ke Arafah dengan menaiki unta melalui Mina dan tinggal di Mina sehingga terbitnya matahari 9 Zulhijah.

Pada hari tersebut, bumi Arafah meyakinkan satu perhimpunan besar dan hebat apabila ramai manusia berkumpul untuk mendengar nasihat dan wasiat Baginda. Antara wasiat Baginda:

1. Menjaga hak asasi manusia

Baginda s.a.w. menyeru seluruh manusia agar bersatu dan melupakan segala persengketaan yang berlaku pada zaman jahiliyah. Jangan berdendam antara satu sama lain. Selain itu juga, hak asasi manusia iaitu kesucian darah mereka tidak perlu ditumpahkan ke muka bumi secara sia-sia dan tanpa tujuan.

Masyarakat Islam hari ini dilihat semakin melupakan wasiat Baginda apabila perpecahan sesama ummah semakin berleluasa. Kadangkala, kepentingan politik mendahului kepentingan Islam yang menyebabkan perpaduan tidak dapat dicapai. Ironinya, sangkaan buruk, fitnah-memfitnah dan dendam mula meresapi jiwa umat Islam sehingga berlakunya pergaduhan, perbalahan, perpecahan malah pembunuhan.

2. Menjaga kesucian harta

Riba ialah salah satu perkara yang diharamkan oleh Rasulullah s.a.w. Baginda memberikan amaran agar tidak bersekongkol dengan amalan riba. Amaran tersebut memberikan gambaran yang jelas bahawa Islam amat menitikberatkan kesucian harta seseorang yang tidak sepatutnya diganggu dan diambil tanpa persetujuan pemiliknya. Selain itu, Islam juga menolak amalan riba kerana ia menindas peminjam dengan mengenakan bayaran kembali dalam jumlah melebihi modal yang dipinjamkan.

Di Malaysia, di samping sistem perbankan konvensional yang mengamalkan riba, sudah wujud sistem perbankan Islam yang kini semakin berkembang dengan pesat. Namun, sejauh mana kita mengambil berat permasalahan ini? Adakah kita terlalu mementingkan keuntungan berbanding amaran yang telah

Wasiat kepada Lelaki tentang Wanita

- Wanita mempunyai hak atas lelaki iaitu menerima nafkah zahir dan batin, termasuk pakaian, tempat tinggal dan keperluan seks.
- Wanita perlu disayangi dan dihormati. Oleh sebab itu, sentiasalah melakukan kebaikan kepada wanita kerana mereka ialah pembantu suami, bukannya hamba abdi.
- Wanita perlu menjaga harta dan maruah suami mereka. Jadi, mereka tidak dibenarkan untuk membawa lelaki ajnabi ke dalam rumah ketika ketiadaan suami mereka.
- Sekiranya wanita tidak mentaati Allah, Rasul dan suami mereka, Rasulullah s.a.w. memberikan *solusi* berikut:
 - ✓ Menasihati isteri.
 - ✓ Meninggalkan tempat tidur mereka.
 - ✓ Memukul mereka dengan pukulan yang tidak mencederakan (tujuannya bukan untuk mendera, tetapi memberikan pengajaran).

diingatkan oleh Rasulullah s.a.w.? Apa yang kita lakukan apabila mengetahui pinjaman yang kita ambil terlibat dengan unsur riba? Adakah kita berusaha untuk mengubahnya yakni beralih kepada perbankan Islam atau buat tidak tahu sahaja? Renungilah amaran keras Rasulullah s.a.w. mengenai riba.

3. Tidak mengikuti jejak langkah syaitan

Syaitan telah berjanji dengan Allah untuk menyesatkan manusia. Oleh sebab itu, Nabi s.a.w. amat risaukan umatnya yang mudah terikut bisikan dan jejak syaitan. Sekiranya ramai yang mengikuti jejak langkah syaitan, maka ia akan bergembira dan berusaha untuk menyesatkan lebih ramai lagi umat Muhammad s.a.w.

Syaitan ialah antara musuh utama umat Islam. Namun, apa persiapan kita untuk berhadapan dengan musuh ini? Betapa ramai orang yang terperangkap dengan permainan syaitan kerana kurang persediaan untuk berhadapan dengannya.

Syaitan suka mempengaruhi manusia untuk melakukan perkara yang dilarang oleh Allah s.w.t. Pelbagai tipu daya syaitan telah dimomokkan atas nama hiburan dan keseronokan. Oleh yang demikian, sentiasalah berdoa agar Allah menjauahkan diri kita, keluarga dan masyarakat daripada syaitan yang direjam dan tipu dayanya.

4. Menjaga dan menunaikan hak wanita

Wanita sebagai amanah Allah kepada lelaki kerana telah dihalalkan wanita kepada mereka. Oleh sebab itu, menjaga hak wanita merupakan satu wasiat penting yang perlu dipandang serius oleh para suami.

Tanggungjawab mendidik isteri terletak di bahu suami. Namun, sejauh mana

para suami dapat menjaga, mendidik dan menyayangi isteri mereka sebaiknya? Apa yang suami lakukan apabila isteri keluar dari rumah dengan tidak menutup aurat? Memberikan teguran atau hanya membiarkan? Ingatlah wahai para suami, sekiranya kalian membiarkan mereka nescaya mereka akan menuntut hak tersebut (mendidik dan memberikan teguran) di akhirat kelak.

5. Berpegang teguh dengan al-Quran dan sunnah

Inilah dua sumber rujukan utama masyarakat Islam. Segala yang terkandung dalam kedua-duanya sentiasa relevan sehingga kini dan selama-lamanya.

Sabda Rasulullah s.a.w., maksudnya: "Aku tinggalkan kepada kamu sesuatu. Jika kamu berpegang dengan kedua-duanya, maka kamu tidak akan sesat selama-lamanya. Iaitu kitab Allah dan sunnahku." (Riwayat Muslim no. 2137 dan Abu Daud no. 1628)

Nabi s.a.w. menyatakan dengan jelas bahawa inilah dua sumber yang perlu dirujuk oleh semua umat Islam. Namun, sejauh mana kedua-dua sumber ini dihayati dan diterapkan dalam kehidupan seharian umat Islam? Ramai orang membaca al-Quran, tetapi berapa ramai yang memahaminya? Sekiranya terdapat orang yang memahaminya, berapa ramai pula yang mempraktikkan ajaran yang terdapat dalamnya?



Lulusan Ijazah Sarjana Muda di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Ijazah Sarjana (MA) dalam bahasa Arab juga di UIAM, dan menyambung pengajian peringkat Ph.D di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Kini sebagai pensyarah di UIAM. Berpengalaman dalam bidang motivasi dan kepimpinan dan aktif dalam penerbitan buku. Boleh dihubungi di mohdazrulazlan@gmail.com.

MOHD AZRUL AZLEN ABD HAMID

Ironinya, al-Quran dan sunnah mula dipinggirkan. Kononnya ia sudah tidak lagi relevan dengan kehidupan masyarakat moden. Statistik menunjukkan ramai pelajar sekolah tidak boleh membaca al-Quran dan ia amat membimbangkan. Sekiranya generasi pelapis ketandusan dalam ilmu al-Quran dan hadis, bagaimana masa depan umat Islam kelak?

6. Menjaga dan melaksanakan rukun asas

Rumah tidak akan berdiri tanpa tiang, justeru Islam tidak akan berdiri tanpa rukun dan asasnya. Dalam khutbah terakhir ini, Baginda s.a.w. mengingatkan umatnya agar:

- Beriman kepada Allah.
- Menunaikan solat lima waktu.
- Berpuasa pada bulan Ramadan.
- Menunaikan zakat dengan penuh kerelaan jiwa (bukannya terpaksa atau ingin menunjuk-nunjuk).
- Menunaikan haji di Baitullah.
- Mentaati pemimpin dalam mengendalikan urusan.

Persoalannya, sejauh mana kesempurnaan kita dalam melaksanakan rukun asas yang diwasiatkan oleh Rasulullah s.a.w.?

Ramai orang menunaikan solat, tetapi tidak tahu tujuannya. Sama halnya apabila ramai orang yang berpuasa hanya kerana orang lain juga berpuasa. Inilah perkara yang perlu kita muhasabahkan setiap hari. Berusahalah untuk menambah ilmu kerana ilmu mampu memberi sinar dalam kegelapan yang menyelubungi hati dan jiwa seseorang. Rajin-rajinikan diri membaca buku agama, mendengar kuliah dan tazkirah di samping menghayati kebesaran Allah s.w.t.

7. Menjaga dan membina perpaduan dan persaudaraan ummah

Kekuatan sesebuah ummah terletak pada kekuatan perpaduan dan persaudaraan. Nabi s.a.w. dapat membayangkan keadaan umat Islam yang akan berpecah-belah. Justeru, Baginda meninggalkan wasiat kepada kita agar sentiasa menjaga hubungan perpaduan dan persaudaraan sesama Islam.

Kini, fitnah semakin berleluasa melalui pelbagai saluran media massa seperti TV, radio, akhbar, malah lebih teruk lagi di Internet. Perpaduan dan persaudaraan sudah lagi tidak diutamakan. Sejauh mana dapat dibentuk perpaduan dan persaudaraan sesama Muslim?

Kini, Rasulullah s.a.w. tidak lagi bersama kita. Hanya kerinduan yang bersarang dalam jiwa. Walaupun begitu, kita masih lagi memiliki segala pesanan dan wasiat yang tidak ternilai yang telah ditinggalkan oleh Baginda s.a.w. Jangan abai dan tinggalkan wasiat ini kerana ia pasti membawa kita ke surga yang kekal abadi. **S**

puisi

■ KHAIDIJAH KHALILAH ABD. RASHID

Sínkronik Alam

Sebuah negara Islam sedang lelah
dibelasah musibah
sekelip mata segalanya musnah
lumpuh dan lelah dikunyah
bencana alam berskala besar
menjuarai tsunami
dan banjir besar di Haiti

Ribuan roh digulung
jasad-jasad kecil diusung
rumah dan premis dilambung
ternakan habis diterapung
tanaman bertumbangan dibumbung
jerit pekik terlolong-lolong
kalimah Allahuakbar dilaung
bersambung-sambung
tangan-tangan kosong
menggapai mohon ditolong

Anak-anak kecil tidak berbau
memanggil ayah dan ibu
menadah tangan kotor berdebu
sedang di sana
insan-insan mulia memulas tenaga
wang ringgit dan harta benda
dihulur segera atas nama saudara
namun
sebuah hakikat dapat dilihat
OIC bertelesku di meja bulat
PBB pula menelan bulat-bulat

Sebenarnya, bencana dahsyat
petanda besar
kiamat itu benar.

Rosnani Ahmad
Merbok

Dari Sabar kepada Takwa

Dari indah ingin kujadikan
sabar itu harum
di halaman rumahku
sehingga bertebaran syahdunya
melengkapi minda anak-anaku.

Dari indah ingin kujadikan
sabar itu takwa
kepada putera-puteriku
agar menjadi senjata yang ampuh
merempuh ranjau duri hidupnya.

Dari indah ingin kujadikan
sabar itu pasrah
manis dan wangi
kepada seluruh keluargaku
mencicip nikmat setelah terharu.

Dari indah ingin kujadikan
sabar itu pegangan amalan
ikhlas dan bersyukur
kepada seluruh remaja beliau
agar menjadi bangsa berhati luhur.

Ahmad Sarju
Shah Alam

